

Penceroboh tanah diberi tempoh 30 hari

Operasi merobohkan pusat gimnasium ditunda atas faktor keselamatan

Oleh **NORAFIZA JAAFAR**
KUALA LUMPUR

Operasi perobohan dewan dijadikan pusat gimnasium dan seni pertahanan diri di Taman Sri Sinar ditangguhkan bagi memberi peluang kepada pihak berkaitan mengosongkan dan memindahkan barangan mereka.

Menurut kenyataan dikeluarkan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP), keputusan penangguhan itu juga bertujuan meredakan suasana berikutan situasi tegang akibat provokasi pihak tertentu ketika operasi dilaksanakan.

"Pihak terbabit membuat perisai manusia serta halangan kenderaan di lokasi hingga menimbulkan suasana tidak selamat.

"Selain itu, pihak penceroboh juga meminta untuk diberikan masa mengeluarkan barangan dari gimnasium," katanya pada Khamis.

Katanya, pihak terbabit juga menandatangani aku janji untuk mengosongkan tapak dan tidak membuat sebarang aktiviti di lokasi itu untuk tempoh 30 hari.

"Penguatkuasaan dijalankan



Operasi meroboh struktur di atas tanah kerajaan ditangguhkan sementara waktu.



susulan pencerobahan di atas tanah kerajaan dan struktur dibina tanpa kebenaran sah.

"Sebelum ini, PPTGWP sudah mengeluarkan Notis Pemberitahuan Pengosongan Tapak pada 4 Julai lalu kepada penceroboh iaitu pengusaha gimnasium dan seni pertahanan diri untuk berbuat demikian," katanya.

Katanya, susulan keputusan penangguhan itu, operasi penguatkuasaan akan disambung semula selepas 6 September depan dan tidak dibenarkan sebarang aktiviti dijalankan dalam tempoh penangguhan.

"Pencerobahan terhadap tanah kerajaan dirizab sebagai kawasan lapang adalah satu kesalahan mengikut

Seksyen 425(1) Kanun Tanah Negara iaitu menduduki tanah kerajaan tanpa kebenaran sah daripada pihak berkuasa negeri.

"Penceroboh boleh dikenakan denda maksimum RM500,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya," katanya.

Terdahulu pada Rabu, operasi penguatkuasaan melibatkan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta Air Selangor.

Untuk rekod, PPTGWP kini melipatgandakan usaha membanteras pencerobahan tanah kerajaan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan sejak tiga tahun lalu.